

# Cyberjaya bukan 'bandar hantu': PM

BH 22 FEB 2000

Oleh Kadir Dikoh dan Wan Sabariah Shikh Ali

SHAH ALAM, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, Cyberjaya, bandar pintar yang diwujudkan dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) bukan 'bandar hantu' seperti digelar oleh sesetengah pengkritik.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, banyak kemajuan dicapai termasuk pembinaan bangunan besar dalam bandar pintar itu. Bagaimanapun, agak mustahil untuk membina keseluruhan Cyberjaya dalam tempoh beberapa bulan.

"Di Cyberjaya, kita membina bangunan besar dalam tempoh beberapa bulan tetapi bukan keseluruhan bandar. Ia perlu mengambil masa beberapa tahun. Kita menemпуhi banyak kemajuan berbanding padang hijau ketika ia diperolehi pada 1997.

"Universiti Multimedia yang baru siap sudah mempunyai lebih 3,000 pelajar dan kakitangan akademik dari seluruh dunia. Menjelang akhir tahun, kemudahan awam seperti sekolah dan taman, sebahagian besarnya akan siap untuk melengkapkan prasarana asas yang sudahpun siap

pada Julai 1999.

"Yang lebih penting, semua ruang pejabat dalam pembinaan atau sudah siap, telah mempunyai pemilik. Kita menjangka lebih 100 syarikat berstatus MSC akan berpindah ke Cyberjaya menjelang September ini. Setakat ini, kita sudah mempunyai 87 syarikat terletak di Cyberjaya," katanya.

Beliau berucap merasmikan kilang Ericsson Mobile Communications Sdn Bhd, di sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie; Presiden LM Ericsson, Kurt Hellstrom dan Pengerusi Ericsson Malaysia, Tan Sri Abdul Wahab Nawati.

Dr Mahathir percaya, rakyat Malaysia mempunyai masa depan terjamin, sebahagian besarnya kerana pencapaian MSC hari ini.

"Kita sekarang mempunyai 300 syarikat dengan status MSC termasuk 34 pembentuk web. Syarikat itu dianggarkan mempunyai pelaburan RM3.4 bilion pada 1999 dengan lebih 14,000 pekerja dalam bidang teknologi maklumat," kata-

nya.

Beliau turut membidas media asing berhubung rencana baru-baru ini yang mengkritik pelaburan kerajaan dalam projek berteknologi tinggi seperti MSC serta mempertikaikan keupayaan Malaysia untuk berjaya dalam bidang berkenaan.

Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia sudah berjaya membuktikan keupayaan mereka dalam melaksanakan sesuatu projek besar.

"Sentimen negatif seumpama ini yang dilemparkan terhadap projek MSC sudah didengar sejak dari dahulu ketika Malaysia melancarkan projek kereta nasional, pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan langkah kawalan modal yang berjaya menyelamatkan Malaysia daripada kesan krisis ekonomi Asia.

"Semua usaha dan langkah itu terbukti berjaya. Tiada alasan untuk mempercayai kritikan seumpama itu sekarang, kerana yang pastinya sejak dahulu lagi mereka sering membuat kesiapan," katanya.